

4

Prestasi Sektoral

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Keluaran Dalam Negeri Kasar sebenar (KDNK) dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu pada kadar 8% dalam tahun 1997 (1996: 8.6%), akibat dari pertumbuhan yang sederhana dalam semua sektor ekonomi kecuali sektor pertanian. Sektor pertanian dijangka merekodkan pertumbuhan yang lebih tinggi kesan dari keluaran minyak kelapa sawit yang lebih tinggi, dan pemulihan yang ketara dalam keluaran kayu balak. Pertumbuhan sektor perkilangan dijangka kekal pada kadar dua angka, dengan pengeluaran industri berorientasikan eksport dijangka meningkat. Bagaimanapun industri berorientasikan pasaran dalam negeri mungkin mencapai pertumbuhan yang lebih perlahan tetapi masih pada kadar dua angka disebabkan peningkatan keluaran yang lebih rendah bagi barangan berkaitan binaan dan peralatan pengangkutan. Aktiviti pembinaan dijangka menjadi lebih sederhana disebabkan oleh permulaan pembinaan yang lebih perlahan berikutan penganan had pinjaman bank ke atas sektor hartanah. Bagaimanapun, nilai ditambah industri pembinaan dijangka mencatatkan pertumbuhan pada kadar dua angka berikutan kerja-kerja kejuruteraan bagi projek-projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan serta pembangunan hartanah bertingkat rendah dan tapak industri. Nilai ditambah sektor perkhidmatan, walaupun dijangka terus kukuh kesan daripada perkembangan dalam keupayaan pengeluaran beberapa industri perkhidmatan seperti pengangkutan udara, perkapalan dan perkhidmatan keretapi, adalah dijangka akan berkembang sederhana disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang sederhana untuk perkhidmatan oleh sektor ekonomi sebenar. Begitu juga, pertumbuhan dalam sektor perlombongan dijangka perlahan berikutan

peningkatan yang perlahan dalam pengeluaran minyak mentah dan pengeluaran gas manakala keluaran tembaga dan timah dijangka terus menurun.

Sektor Perkilangan

Tinjauan Keseluruhan

Sektor perkilangan terus menjadi salah satu sektor penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 1997, walaupun berlaku persaingan yang hebat di peringkat global yang telah menyebabkan kejatuhan harga-harga keluaran perkilangan. Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pertumbuhan pengeluaran sektor perkilangan meningkat kepada 13.3% daripada 11.4% pada tempoh yang sama tahun 1996. Peningkatan pertumbuhan ini dirangsang oleh industri-industri berorientasi pasaran eksport yang mencatatkan pemulihan kukuh dalam pertumbuhan pengeluaran kepada 10.1% pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 daripada 7% pada tempoh yang sama tahun 1996. Pertumbuhan pengeluaran industri-industri berorientasi pasaran dalam negeri juga terus kukuh, sebanyak 16.9% pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, lebih kurang pada kadar yang serupa pada tempoh yang sama tahun 1996.

Peningkatan dalam pertumbuhan pengeluaran **industri-industri berorientasi pasaran eksport** disebabkan pemulihan kukuh dalam pengeluaran separa pengalir (semiconductors) dan lain-lain produk elektronik daripada 7.8% pada tempoh tujuh bulan pertama 1996 kepada 23.9% pada tempoh yang sama 1997. Pengeluaran kabel dan dawai dan kilang mengait juga mencatatkan pertumbuhan daripada sederhana kepada kukuh,

Jadual 4.1

KDNK: Prestasi Mengikut Sektor
(%)

	1996			1997*		
	Kadar Pertumbuhan	Sumbangan kepada KDNK	Sumbangan kepada pertumbuhan	Kadar Pertumbuhan	Sumbangan kepada KDNK	Sumbangan kepada pertumbuhan
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan ¹	2.2	12.7	3.4	3.5	12.2	5.6
Perlombongan	4.5	7.2	3.9	2.8	6.8	2.5
(Bagi Petroleum)	1.7	5.6	1.2	0.5	5.2	0.3
Perkilangan	12.2	34.2	47.1	12.0	35.5	51.0
Pembinaan	14.2	4.7	7.4	11.0	4.8	6.4
Perkhidmatan	9.7	44.8	50.0	8.7	45.0	48.5
<i>Tolak</i> Bayaran Perkhidmatan yang dikenakan	18.0	7.7	14.8	16.5	8.3	15.7
<i>Campur</i> Cukai Import	6.1	4.1	3.0	3.5	4.0	1.8
KDNK	8.6	100.0	100.0	8.0	100.0	100.0


¹ Termasuk ternakan dan hotikultur

* Anggaran

sementara pengeluaran kilang tekstil tiruan terus berkembang pada kadar melebihi 20%. Walau bagaimanapun, produk-produk audio-visual menguncup sebanyak 9.5% disebabkan persaingan hebat dan inventori yang tinggi di peringkat global. Pertumbuhan pengeluaran industri berasaskan kayu menjadi sederhana dengan ketaranya kepada 2% (Januari-Julai 1996: 11.6%), sementara pengeluaran industri berasaskan getah tidak berubah disebabkan kekurangan bahan mentah. Bagi keseluruhan tahun 1997, pengeluaran industri-industri berorientasi pasaran eksport dijangka berkembang sebanyak 10.6% didorong oleh peningkatan kukuh dalam pengeluaran separa-pengalir dan produk elektronik lain hasil daripada permintaan eksport yang besar serta peningkatan kapasiti pengeluaran.

Kekukuhan pertumbuhan **industri-industri berorientasi pasaran dalam negeri** pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 disebabkan oleh peningkatan produk plastik dan kimia sebanyak 26.8% (Januari-Julai 1996: 18.8%) hasil daripada peningkatan kapasiti dan permintaan yang kukuh. Industri-industri yang mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 termasuk industri makanan, minuman dan tembakau dan kertas dan produk kertas. Industri-industri yang mencatatkan kadar yang lebih perlahan, walaupun masih kukuh ialah industri-industri yang mengeluarkan produk-produk untuk pembinaan seperti produk galian bukan logam dan produk logam asas serta kelengkapan pengangkutan. Pertumbuhan pengeluaran yang

Carta 4.1
Indeks Pengeluaran Perkilangan 1994-1997
(Januari-Julai)
(1993 = 100)



lebih perlahan bagi produk-produk untuk pembinaan mencerminkan permulaan pembinaan yang lebih perlahan pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 dan hampir siapnya projek-projek besar, seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Kompleks Sukan Bukit Jalil, sementara pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan bagi kelengkapan pengangkutan mencerminkan pertumbuhan permintaan yang lebih perlahan. Pengeluaran industri-industri berorientasi pasaran dalam negeri diramal merosot pada tempoh lima bulan terakhir 1997, memandangkan pengeluaran produk-produk untuk pembinaan dijangka terjejas oleh aktiviti-aktiviti pembinaan yang semakin perlahan, sementara pengeluaran produk-produk pengguna, khususnya barangan tahan lama termasuk kenderaan bermotor, dijangka terjejas akibat penangguhan perbelanjaan terhadap barangan yang kurang penting oleh para pengguna yang kuasa beli mereka turut terjejas berikutan kejatuhan harga-harga saham. Oleh yang demikian, bagi keseluruhan tahun 1997, pertumbuhan sektor

perkilangan dijangka berkembang sebanyak 12% (1996: 12.2%) dengan industri-industri berorientasi pasaran eksport mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh, sementara industri-industri berorientasi pasaran dalam negeri mengalami pertumbuhan pengeluaran yang masih kukuh, walaupun lebih perlahan. (Lihat Jadual 4.3)

Produktiviti buruh atau keluaran bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 10.8% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Walau bagaimanapun, peningkatan produktiviti buruh masih ketinggalan jika dibandingkan dengan upah purata benar yang meningkat sebanyak 20% pada tempoh yang sama. Peningkatan kukuh dalam upah purata benar mencerminkan peningkatan 11.6% dalam upah purata bulanan nominal dan 7% kemerosotan dalam harga jualan keluaran perkilangan. Dengan peningkatan kadar upah purata benar yang lebih cepat berbanding dengan peningkatan produktiviti buruh, kos buruh seunit benar iaitu kos buruh benar bagi setiap unit keluaran, meningkat sebanyak 8.3% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Ini disebabkan terutamanya oleh kos buruh seunit benar yang lebih tinggi bagi industri elektrik, elektronik dan jentera. Industri kelengkapan pengangkutan juga mencatatkan kos buruh seunit yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kos buruh seunit bagi industri kimia, keluaran kimia dan plastik adalah lebih rendah. (Lihat Jadual 4.2).

Walaupun pertumbuhan pengeluaran lebih kukuh, pendapatan jualan keluaran sektor perkilangan meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 5.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 23.5%). Ini disebabkan harga-harga jualan yang lebih rendah akibat persaingan sengit di peringkat global. Namun demikian, jumlah upah bagi sektor perkilangan meningkat pada kadar yang lebih pantas daripada peningkatan pendapatan jualan iaitu sebanyak 14.1%. Oleh yang demikian, kos buruh setiap RM100 jualan keluaran sektor perkilangan meningkat sebanyak 8.3% daripada RM6.38 setiap RM100 jualan pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 kepada kira-kira RM6.91 setiap RM100 jualan pada tempoh yang sama tahun 1997. Kos buruh setiap RM100 jualan bagi industri elektrik, elektronik dan jentera meningkat sebanyak 14% kepada RM6.35 pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: RM5.57). Sementara industri tekstil dan pakaian mencatatkan sedikit peningkatan dalam kos buruh setiap RM100

Jadual 4.2

Sektor Perkilangan:
Produktiviti Buruh, Ubah Purata Benar dan Kos Buruh Seunit
Mengikut Industri
 (% perubahan tahunan bagi tempoh Januari-Julai 1997)

<i>Industri</i>	<i>Produktiviti Buruh</i>	<i>Upah Purata Benar</i>	<i>Kos Buruh Seunit Benar</i>
Sektor perkilangan	10.8	20.0	8.3
Elektrik, elektronik dan jentera	12.5	28.3	14.0
Tekstil, pakaian dan kasut	5.3	7.4	1.9
Kimia, keluaran kimia dan plastik	22	9.4	-10.3
Kelengkapan pengangkutan	-5.5	11.7	18.2

Sumber: Pengiraan berasaskan Penyiasatan Bulanan Perindustrian, Jabatan Perangkaan

jualan sebanyak 1.9% kepada RM11.96 daripada RM11.73. Bagi industri kelengkapan pengangkutan, kos buruh setiap RM100 jualan meningkat 18.2% kepada kira-kira RM5.39 daripada RM4.56. Walau bagaimanapun, bagi industri kimia, keluaran kimia dan plastik, kos buruh setiap RM100 jualan merosot sebanyak 10.3% kepada RM6.32 daripada RM7.06, disebabkan terutamanya pendapatan jualan yang meningkat lebih pantas daripada peningkatan jumlah upah.

Elektrik, Elektronik dan Jentera

Pengeluaran industri **elektrik, elektronik dan jentera** berkembang sebanyak 13.8% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 6.1%) disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran separa pengalir, keluaran elektronik serta kabel dan dawai yang lebih kukuh. Sektor kecil **separa pengalir dan komponen elektronik yang lain** telah mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 23.9% (Januari-Julai 1996: 7.8%) disebabkan pembesaran kapasiti dan pemulihan permintaan luar negeri terutamanya daripada negara-negara perindustrian utama. Pengeluaran separa pengalir telah berkembang sebanyak

29.5%, transistor elektronik sebanyak 26.8% dan litar bersepadu sebanyak 26.4%. Pengeluaran **kabel dan dawai** meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 14.4% (Januari-Julai 1996: 9%) disebabkan peningkatan yang ketara pengeluaran dawai dan kabel tertebat yang ketara sebanyak 28.4% dan juga peningkatan sebanyak 15.9% dalam pengeluaran kabel telefon dan telegraf. Pertumbuhan sektor kecil ini adalah disebabkan oleh permintaan yang meningkat dari luar negeri dan juga permintaan dalam negeri yang mampan berpunca daripada projek-projek infrastruktur telekomunikasi dan elektrik, yang baru dan yang sedang dilaksanakan.

Dalam menghadapi persaingan yang lebih sengit dari negara-negara pengeluar berkos rendah, pengeluaran **set radio dan televisyen, perkakas pengeluar dan perakam bunyi** sebagai satu kumpulan telah merosot sebanyak 9.5% (Januari-Julai 1996: 7%). Pengeluaran televisyen telah merosot sebanyak 21.2% kepada 4.15 juta unit pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 1.3% yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1996. Pengeluaran radio walau bagaimanapun telah meningkat sebanyak 10.8% kepada 19.1 juta unit (Januari-Julai 1996: -20.9%).

Jadual 4.3**Indeks Pengeluaran Perkilangan Malaysia
1993=100**

	Wajaran	1996	1997
		Januari-Julai % perubahan	
Makanan, minuman dan tembakau	7.83	6.4	10.1
Tekstil dan pakaian	3.93	0.2	6.7
Kasut	0.08	-4.6	-16.5
Penapisan petroleum	0.96	11.7	10.2
Kimia, keluaran kimia dan plastik	10.89	18.8	26.8
Kertas dan produk kertas	1.19	-5.0	11.0
Keluaran berasaskan getah	3.71	15.9	-0.5
Keluaran berasaskan kayu (kecuali perabot)	5.42	11.6	2.0
Keluaran galian bukan logam	3.43	24.2	15.2
Besi dan keluli	2.23	16.4	10.3
Keluaran logam bukan ferum	0.58	10.6	33.2
Keluaran logam yang direka	3.19	29.3	10.3
Keluaran elektrik dan elektronik dan jentera	23.17	6.1	13.8
Alat profesional dan saintifik dan ukuran dan kawalan	0.95	0.6	3.9
Kelengkapan pengangkutan	2.57	23.9	12.6
Pelbagai produk petroleum dan arang batu	0.29	24.2	12.3
JUMLAH	70.41	11.4	13.3

Sumber: Berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan

Pengeluaran industri **jentera bukan elektrik** meliputi mesin-mesin pejabat, perakaunan dan pengiraan, jentera penyejuk, ekzos, pembersih udara dan pendingin udara meningkat sedikit sebanyak 1% selepas merosot sebanyak 4% pada tempoh yang sama tahun 1996. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pemulihan dalam

pengeluaran jentera penyejuk, ekzos, pembersih dan pendingin udara yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.9% (Januari-Julai 1996: -7.4%). Walau bagaimanapun pengeluaran mesin-mesin pejabat, perakaunan dan pengiraan yang meliputi komputer peribadi, disket magnetik komputer, pengira elektronik, alat ganti mesin taip, antena radio, telefon bergerak dan telefon bukan bergerak telah merosot sebanyak 11% (Januari-Julai: 4.9%) disebabkan lebih kapasiti pengeluaran antarabangsa dan pertumbuhan permintaan yang sederhana.

Walaupun prestasi pengeluaran beberapa produk elektrik telah mengalami kesan peningkatan permintaan yang sederhana serta lebih kapasiti, prospek industri elektronik masih cerah. Pembangunan yang pesat dalam lapangan teknologi maklumat dan peningkatan penggunaan internet akan mempertingkatkan permintaan komputer peribadi dan keluaran elektronik yang lain. Keadaan ini akan merangsangkan lagi industri tersebut. Tambahan lagi, langkah berterusan oleh Kerajaan dan pihak pengeluar industri ini untuk

Jadual 4.4**Pengeluaran Kelengkapan Elektrik Dan Elektronik Terpilih
(Januari-Julai)**

	1996	1997	Perubahan Tahunan (%)
Separa pengalir (juta unit)	3,122	4,044	29.5
Transistor elektronik (juta unit)	5,957	7,551	26.8
Litar paduan (juta unit)	5,492	6,943	26.4
Peti televisyen ('000 unit)	5,267	4,151	-21.2
Radio ('000 unit)	17,222	19,087	10.8
Pendingin udara bilik ('000 unit)	1,828	1,594	-12.8
Peti sejuk isirumah ('000 unit)	146	134	-8.2
Dawai dan kabel bertebat (tan metrik)	54,255	69,656	28.4

Sumber: Berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan

mempertingkatkan kemampuan dalam rekapipta dan teknologi fabrikasi wafer akan mempertingkatkan lagi daya saing industri tersebut. Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) akan memastikan pertumbuhan industri tersebut pada masa hadapan dan juga akan mendorong mengalihkan sektor elektronik daripada berfokuskan produk kepada berfokuskan teknologi. Hasrat ini boleh dicapai melalui kerjasama penyelidikan oleh syarikat-syarikat terlibat dalam projek MSC supaya keluaran industri ini mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi. Bagi sepanjang tahun 1997, sektor kecil elektrik, elektronik dan jentera dijangka akan berkembang sebanyak 14.4% dan terus menerajui industri perkilangan.

Tekstil, Pakaian dan Kasut

Pada tahun 1997 pengeluaran **tekstil** dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 10.9% selepas peningkatan pada kadar yang rendah sebanyak 1.9% pada tahun 1996, didorong oleh pertumbuhan pesat pengeluaran tekstil tiruan berikutan permintaan dunia yang kukuh. Pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, pengeluaran tekstil meningkat sebanyak 11.7%, (Januari-Julai 1996: 1.5%) terutamanya disebabkan peningkatan pengeluaran tekstil tiruan sebanyak 23% (Januari-Julai 1996: 28.9%). Pengeluaran daripada kilang memintal dan menenun serabut asli meningkat sebanyak 6.2% (Januari-Julai 1996: -0.3%) oleh kerana harga kapas stabil dan memudahkan penjualannya sementara pengeluaran dari kilang mengait meningkat sebanyak 13.3% (Januari-Julai 1996: -14.2%). Walau bagaimanapun, pengeluaran dari kegiatan mencelup, memutih, mengecap dan menyudahkan benang dan fabrik merosot lagi sebanyak 2.3% (Januari-Julai 1996: -16.5%). Ini disebabkan peningkatan kos operasi terutamanya untuk mengawal pencemaran alam sekitar dan persaingan sengit daripada pengeluar-pengeluar kos rendah seperti China, Filipina, Bangladesh dan Vietnam.

Prestasi pengeluaran sektor kecil **pakaian** terus lemah. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997, pengeluarannya merosot sebanyak 2% (Januari-Julai 1996: -1.9%). Pertumbuhan sektor kecil yang berintensif buruh ini, terjejas oleh pasaran buruh yang ketat serta peningkatan gaji pekerja. Ini telah menggalakkan para pengeluar memindahkan pengeluaran produk-produk yang mempunyai nilai di tambah yang rendah, seperti blaus dan kemeja,

ke negara-negara pengeluar kos rendah seperti Kemboja dan Vietnam. Pada masa yang sama pengeluaran telah beralih kepada produk-produk yang lebih bermutu tinggi dengan menggunakan proses-proses pengeluaran yang lebih berautomasi.

Pengeluaran **kasut** terus merosot kepada 16.5% pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 (Januari-Julai 1996: -4.6%). Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran yang rendah bagi kasut kulit, berikutan permintaan luar negeri yang lemah. Peningkatan kos pengeluaran tempatan dan persaingan hebat daripada pengeluar-pengeluar kos rendah juga telah menjejaskan pesanan belian dari luar negeri.

Kayu dan Keluaran Kayu

Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pengeluaran produk berasaskan kayu, kecuali perabut, mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 2% (Januari-Julai 1996: 11.6%) terutamanya disebabkan kemerosotan dalam pengeluaran kayu gergaji.

Pengeluaran **papan lapis dan venir, papan gentian keras dan papan partikel** sebagai satu kumpulan meningkat sebanyak 8.4% pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 (Januari-Julai 1996: 20.1%) disebabkan peningkatan ketara dalam pengeluaran papan cantum sebanyak 27.4% kepada 105,208 meter padu. Pengeluaran papan lapis dan venir berkembang sebanyak 8.7% selaras dengan bertambahnya bilangan kilang papan lapis/venir kepada 123 (Januari-Julai 1996: 111) yang telah menyebabkan pembesaran kapasiti sebanyak 10.8%.

Berdasarkan penebangan tahunan yang dibenarkan bagi kayu balak yang ditetapkan oleh Kerajaan, pengeluaran **kayu gergaji** terus menunjukkan tren yang menurun. Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pengeluaran kayu gergaji terus merosot sebanyak 6.3% kepada 4.03 juta meter padu selepas kemerosotan 46% pada tempoh yang sama tahun 1996.

Nilai jualan diperingkat gudang bagi **perabut dan kelengkapan perabut** meningkat sedikit sebanyak 5.3% kepada RM960 juta pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan 42.2% yang dicatatkan pada tempoh yang sama

1996. Prospek bagi industri ini masih cerah dengan permintaan yang kukuh berpunca daripada pertumbuhan sektor rumah kediaman yang berterusan. Melalui usaha-usaha mempelbagai dan membangunkan aktiviti hiliran, berbagai jenis perabut buatan Malaysia yang dibuat daripada kayu tropika, kayu getah, rotan, logam, plastik dan fabrik boleh diperolehi sekarang. Industri ini sedang dalam peralihan kepada produk yang lebih berkualiti untuk memenuhi kehendak pengguna dari kumpulan sasaran peringkat rendah/sederhana kepada kumpulan sederhana/tinggi, dengan komitmen untuk menambahkan lagi pelaburan dalam R&D dan aktiviti-aktiviti pembangunan pemasaran untuk mempromosikan kedudukan perabut buatan Malaysia di pasaran antarabangsa.

Keluaran Berasaskan Getah

Pengeluaran **industri berasaskan getah** merosot sedikit sebanyak 0.5% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan peningkatan 15.9% pada tempoh yang sama 1996. Kemerosotan ini disebabkan pengeluaran yang lebih rendah bagi hampir kesemua sektor kecil industri ini, kecuali tayar dan tiub.

Seiring dengan pertumbuhan industri automobil tempatan yang lebih sederhana, pengeluaran **tayar dan tiub** berkembang sebanyak 7.4% pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 berbanding dengan 14.6% yang dicatatkan pada tempoh yang sama 1996. Pengeluaran tayar meningkat kepada 7.7 juta unit dalam tempoh kajian berbanding dengan 6.7 juta unit pada tempoh yang sama 1996.

Pengeluaran **produk getah yang lain** yang merangkumi sarung tangan getah, catheters dan kepingan getah merosot sedikit sebanyak 0.8% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 20%). Pengeluaran sarung tangan getah merosot sebanyak 2.2% kepada 5.05 bilion pasang dalam tempoh kajian (Januari-Julai 1996: 5.17 bilion pasang). Begitu juga pengeluaran **kasut getah** merosot dengan ketara sebanyak 28.4% berbanding peningkatan 5% yang dicatatkan pada tempoh tujuh bulan pertama 1996, terutamanya disebabkan peningkatan kos buruh yang telah mendorong beberapa pengeluar

berpindah ke negara-negara berkos rendah seperti Indonesia, Vietnam dan China. Pengeluaran sektor kecil **mengilang semula getah dan pemrosesan susu getah** terus merosot sebanyak 3% selepas kemerosotan 1.1% pada tempoh yang sama tahun 1996 disebabkan oleh pengeluaran getah yang lebih rendah.

Makanan, Minuman dan Tembakau

Pengeluaran **makanan, minuman dan tembakau** terus berkembang sebanyak 10.1% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan 6.4% yang dicatatkan pada tempoh yang sama 1996. Prestasi industri yang lebih baik ini disebabkan pengeluaran sektor-sektor kecil tembakau dan makanan yang lebih tinggi.

Pengeluaran **perkilangan makanan** (merupakan 81% daripada jumlah pengeluaran industri makanan, minuman dan tembakau) berkembang sebanyak 9.8% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 selepas mencatatkan pertumbuhan 4.7% pada tempoh yang sama 1996. Pertumbuhan ini disebabkan prestasi kukuh beberapa sektor kecil utama termasuk pemprosesan ikan, krustasia dan makanan seumpamanya, minyak sawit dan kilang tepung. Pengeluaran sektor kecil minyak dan lemak termasuk pemprosesan minyak sawit dan minyak isirong kelapa sawit, majerin, dan minyak masak campuran mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih tinggi di antara 4.9% dan 28.8% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Pengeluaran pemprosesan ikan, krustasia dan makanan seumpamanya melonjak sebanyak 29.7% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan peningkatan kecil sebanyak 4% pada tempoh yang sama 1996, disokong oleh permintaan luar yang baik. Sebaliknya, pengeluaran produk tenusu kecuali minuman susu terus merosot. Pengeluaran tenusu merosot sebanyak 5.5% (Januari-Julai 1996: -4.3%), dengan pengeluaran susu bayi merosot dengan ketara sebanyak 31% hasil daripada terdapatnya gantian import yang lebih kompetitif. Sektor-sektor kecil coklat dan manisan juga mencatatkan pengeluaran yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pengeluaran minuman susu meningkat 15.3% disokong oleh permintaan dari pasaran luar negeri yang meningkat, di samping pasaran dalam negeri.

Pengeluaran **minuman** meningkat sebanyak 1.5% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 20.8%). Pertumbuhan yang lebih perlahan ini disebabkan kemerosotan minuman ringan berkarbonat sebanyak 3.5% (Januari-Julai 1996: 28.2%). Walau bagaimanapun, minuman beralkohol terus meningkat walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.4% berbanding 12.5% yang dicatatkan pada tempoh yang sama 1996.

Pengeluaran **produk tembakau** meningkat dengan ketara sebanyak 20.6% dalam tempoh kajian (Januari-Julai 1996: 8.4%). Pengeluaran rokok meningkat kukuh sebanyak 20.3% (Januari-Julai 1996: 8.4%) didorong oleh permintaan luar yang kukuh dan peningkatan penggunaan dalam negeri selepas mengalami kemerosotan selama tiga tahun, di samping penguatkuasaan pihak berkuasa dalam menyekat penyeludupan produk ini.

Keluaran Petroleum dan Gas

Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pengeluaran industri **petroleum** meningkat sebanyak 10.2% setelah mencatatkan peningkatan 11.7% pada tempoh yang sama tahun 1996. Peningkatan pengeluaran industri ini disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah daripada 357,400 tong sehari (tsh) pada 1996 kepada 372,600 tsh pada 1997 melalui lima kilang penapis yang beroperasi. Produk-produk utama yang dihasilkan oleh kilang penapis ialah minyak tanah, bahan api, disel, gas petroleum cecair dan gasolin. Pada tujuh bulan pertama 1997, pengeluaran minyak tanah, minyak bahan api, disel dan gasolin telah meningkat, masing-masing sebanyak 3.6%, 11%, 9% dan 5.1% berbanding dengan peningkatan sebanyak 17.4%, 28.6%, 7.2% dan 7.3% yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1996. Walau bagaimanapun pengeluaran gas petroleum cecair merosot sebanyak 5% dalam tempoh kajian berbanding peningkatan sebanyak 13.8% pada tempoh yang sama tahun 1996.

Jadual 4.5

Kadar Pertumbuhan Sektor Kecil Perkilangan Makanan Terpilih (%)

	1996	1996	1997
		Januari-Julai	
Kilang beras	-15.6	-15.3	-4.1
Keluaran tenusu	1.7	-4.3	-5.5
Kilang biskut	-0.1	0.0	3.9
Ikan, krustasia dan makanan seumpamanya	17.5	4.0	29.7
Kilang tepung	-2.9	-2.5	3.0
Kilang gula dan penapis gula	6.8	7.7	-0.6
Koko, coklat dan makanan	15.2	12.1	-4.4
Makanan binatang	-4.1	-1.4	1.9
Keluaran makanan lain	14.9	30.7	-1.9
JUMLAH	8.2	4.7	9.8

Sumber: Jabatan Perangkaan

Pengeluaran bersih **gas asli** di unjurkan meningkat sebanyak 14.3% kepada 3,899 juta kaki padu sehari (mmscfd) pada tahun 1997, setelah mencatatkan peningkatan sebanyak 22% pada tahun 1996. Permintaan terhadap gas asli telah berkembang pesat disebabkan kemunculan gas sebagai bahan api alternatif yang sesuai khususnya bagi sektor penjaan kuasa. Simpanan gas yang dijangka melebihi 79.8 trilion kaki padu. Rizab gas Malaysia terdapat di tiga kawasan utama iaitu di Wilayah Luconia Tengah di luar pesisir Sarawak, di luar pesisir Sabah dan di luar pesisir Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Gas yang di perolehi dari Sarawak diproses menjadi **gas asli cecair** (LNG) di Loji Gas Asli Cecair Malaysia 1 dan 2 di Bintulu, dan dieksport sebahagian besarnya ke Jepun dan Korea Selatan. Pengeluaran LNG dijangka akan meningkat sebanyak 16.3% kepada 16.1 juta tan metrik pada 1997. Gas asli yang dikeluarkan di Sabah digunakan sebagai bahan mentah untuk memproses methanol. Gas yang digali di Kawasan Duyong di luar pesisir Terengganu di salurkan melalui paip ke empat loji pemprosesan gas (GPP) di Kertih dan diproses menjadi 'sales gas' ethana, propana, butana dan kondensat. 'Sales gas' digunakan untuk penjaan kuasa, sementara produk lain digunakan sebagai bahan mentah

dalam loji petrokimia. Setiap GPP yang beroperasi sekarang mempunyai kapasiti untuk memproses 250 mmscfd. Apabila GPP5 dan GPP6 mula beroperasi pada penghujung tahun 1998, kapasiti pemprosesan gas negara akan meningkat kepada 2,000 mmscfd dan akan menjadi loji pemprosesan gas terbesar di dunia.

Melalui projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) yang merangkumi 1,260 kilometer saluran paip, 'sales gas' dapat digunakan sebagai bahan api alternatif untuk penajaan kuasa serta kegunaan komersil dan perumahan. Hampir 74% gas asli di salurkan kepada Tenaga Nasional Berhad dan Pengeluar-pengeluar Tenaga Bebas (IPP), sementara 12% lagi adalah untuk kegunaan komersil seperti di loji-loji besi waja dan petrokimia di Kertih serta kegunaan di kawasan-kawasan perumahan dan bakinya dieksport ke Singapura.

Kimia, Keluaran Kimia dan Plastik

Pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, pengeluaran **kimia, keluaran kimia dan plastik** meningkat sebanyak 26.8% berbanding dengan 18.8% pada tempoh yang sama tahun 1996. Perkembangan kukuh ini didorong oleh peningkatan ketara sebanyak 22% bagi pengeluaran gas industri (oksigen, nitrogen, hidrogen, karbon dioksida dan asitilena), peningkatan sebanyak 25.7% bagi pengeluaran kimia industri asas dan peningkatan 19.4% bagi pengeluaran resin tiruan. Pengeluaran cat, varnis dan lakuer meningkat dengan sederhana sebanyak 7.7% sementara pengeluaran ubat-ubatan meningkat sebanyak 7.6%. Walau bagaimanapun pengeluaran baja serta racun serangga perosak tanaman merosot sebanyak 8.1% sementara sabun serta sediaan mencuci merosot sebanyak 11.3%. Pengeluaran **barangan plastik** meningkat dengan mendadak sebanyak 55.9% disebabkan pertambahan pengeluaran botol plastik sebanyak 78.9% berikutan permintaan yang terus meningkat daripada industri minuman. Bagi keseluruhan tahun 1997, pertumbuhan pengeluaran industri kimia, keluaran kimia dan plastik dijangka terus meningkat sebanyak 20% selepas peningkatan 19.6% pada tahun 1996, disebabkan permintaan kukuh dari pasaran tempatan dan luar negeri khususnya Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Pertumbuhan pesat dalam industri petroleum dan gas merupakan petanda baik bagi industri

petrokimia memandangkan kelompok industri-petrokimia di Kertih, Gebeng dan Pasir Gudang dapat menjamin 'feedstock' seperti butana dan gas propana dari loji pemprosesan gas di Kertih. Pada tahun 1997, adalah dianggarkan bahawa 3.2 juta metrik tan petrokimia akan dikeluarkan di mana produk utama adalah methanol, 'methy tertiary butyl ether', propilena, polipropilena, ethilena, poliethilena, amonia dan urea.

Projek-projek yang akan meluaskan lagi operasi petrokimia di Malaysia termasuklah loji aromatik, loji vinil klorida monomer, loji asid asitik serta sebuah loji amonia di Kertih yang dijangka siap menjelang tahun 2000. Sebuah projek usahasama di antara Petrolia Nasional Bhd. (PETRONAS) dan BASF dari Jerman untuk mengeluarkan asid akrilik /ester dan oxo-alkohol dijangka mula beroperasi pada tahun 2000 dengan fasa terakhir dijadualkan siap pada tahun 2004. Dengan ini industri petrokimia dijangka akan memberi dorongan kukuh kepada prospek pertumbuhan pengeluaran dalam jangka masa pertengahan.

Dengan semakin pentingnya minyak sawit serta minyak isirong sawit sebagai bahan mentah, pengeluaran **oleokimia** di Malaysia semakin berkembang pesat. Pada tahun 1997 pengeluaran oleokimia asas di anggarakan melebihi 600,000 tan daripada 262,000 tan pada tahun 1992. Terdapat 15 syarikat dalam industri ini yang mengeluarkan asid lemak, ester, alkohol lemak, kompaun nitrogen lemak, dan 'glyserol' yang menggunakan minyak isirong kelapa sawit sebagai bahan utama. Beberapa buah syarikat juga terlibat dengan pengeluaran produk-produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi umpamanya 'soap noodles', 'metallic soap', mono dan 'diglycerides' serta ester kosmetik. Pusat Teknologi Oleokimia (AOTC) di PORIM yang mengendalikan penyelidikan dan pembangunan memberi dorongan bagi peningkatan aktiviti-aktiviti hiliran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Di antara kejayaan-kejayaan AOTC ialah pengeluaran minyak pelembap tangan, loysen tangan dan badan yang mengandungi vitamin E dan minyak asas bagi dakwat percetakan.

Keluaran Galian Bukan Logam

Pengeluaran **galian bukan logam** yang meliputi simen dan konkrit, simen hidrolik, struktur tanah

liat dan produk kaca terus berkembang sebanyak 15.2% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 24.2%). Semua komponen utama industri ini mencatatkan peningkatan dalam pengeluaran masing-masing.

Pengeluaran **semua jenis simen** bertambah sebanyak 5.8% kepada 7.3 juta tan pada tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan 12.6% (6.9 juta tan) pada tempoh yang sama tahun 1996, disebabkan terutamanya oleh aktiviti-aktiviti pembinaan yang berterusan. Berikutan masalah kekurangan simen baru-baru ini, ramai pengeluar telah mengambil langkah untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka. Sebuah kilang simen baru dengan kapasiti pengeluaran satu juta tan setahun di Bukit Sagu, Pahang telah mula beroperasi pada bulan Ogos 1997. Didorong oleh permintaan untuk bahan-bahan binaan yang berterusan, nilai jualan di peringkat gudang bagi keluaran **simen dan konkrit** termasuk bumbung genting simen dan konkrit campuran siap, bertambah sebanyak 35% kepada RM1.6 bilion. (Januari-Julai 1996: 71.3%). Pengeluaran konkrit campuran siap terus kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 39.2%, sementara pengeluaran bumbung genting simen meningkat sebanyak 26.6% kepada 83.8 juta keping.

Pengeluaran **tanah liat struktur** meningkat sebanyak 13.4% sepertimana yang dicerminkan dalam peningkatan pengeluaran jubin seramik dan bata tanah. Pengeluaran jubin seramik telah bertambah sebanyak 21.7% kepada 31.7 juta meter persegi berbanding dengan 26.1 juta meter persegi yang dikeluarkan pada tempoh yang sama tahun 1996, manakala bagi bata tanah telah meningkat sebanyak 9.8% kepada 551.1 juta unit daripada 501.8 juta unit pada tahun 1996. Begitu juga, industri **kaca dan keluaran kaca** yang meliputi kaca, bekas kaca dan peralatan meja, mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka sebanyak 12.1% berbanding dengan 11% yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1996.

Bagi keseluruhan tahun 1997, pertumbuhan industri galian bukan logam dijangka mampan pada kadar 10.7%. Dengan simpanan bahan mentah yang banyak seperti tanah liat, pasir silica dan batu kapur, industri ini berpotensi untuk beralih kepada keluaran dengan nilai ditambah yang lebih tinggi.

Besi dan Keluli dan Keluaran Logam

Pengeluaran **keluaran logam asas** terus meningkat sungguhpun pada kadar yang lebih perlahan. Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pengeluaran keluaran logam asas meningkat sebanyak 12.3% berbanding dengan kenaikan 22.6% pada tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar peningkatan pengeluaran ini disebabkan oleh peningkatan yang lebih tinggi bagi industri logam asas bukan ferum. Bagi tahun 1997, prospek industri ini pada amnya adalah baik dengan pertumbuhannya dianggarkan pada kadar 9.4% (1996: 20.3%).

Pertumbuhan pengeluaran sektor kecil **besi dan keluli** berkurang kepada 10.3% pada tempoh kajian (Januari-Julai 1996: 16.4%). Pengeluaran yang lebih perlahan ini disebabkan peningkatan pengeluaran yang perlahan bagi industri asas meliputi industri-industri yang mengeluarkan kepingan besi, besi yang disadur, paip, tiub dan kelengkapan besi kimpal dan keluli sebanyak 5.8% (Januari-Julai 1996: 14.6%). Pertumbuhan pengeluaran **industri besi dan keluli utama** seperti 'billet', kepingan besi dan keluli adalah sederhana rendah sebanyak 12.7% (Januari-Julai 1996: 17.3%). Dengan siapnya beberapa projek pembinaan utama, permintaan bagi keluaran besi dan keluli mungkin akan berkurangan walaupun permintaan daripada sektor-sektor kecil lain seperti foundri dan kejuruteraan masih kukuh. Tambahan pula, sesetengah pengeluar keluli utama telah mengambil langkah untuk membesarkan kapasiti mereka memandangkan permintaan yang teguh. Berikutan masalah kekurangan simen, para pengeluar keluli menjangkakan struktur keluli akan digunakan dengan lebih meluas untuk menggantikan kerja-kerja pengukuhan pembinaan konkrit. Oleh yang demikian, Perwaja telah memulakan pengeluaran 'beam' dan 'section' dikilangnya di Gurun yang merupakan kilang pertama mengeluarkan produk tersebut di negara ini. Kilang yang bernilai RM1.15 bilion ini berkemampuan untuk mengeluarkan 700,000 ton metrik 'beam', 'angles' dan 'channels' setiap tahun.

Sungguhpun industri peleburan timah sedang mengalami kemerosotan, pengeluaran **logam asas bukan ferum** sebagai satu kumpulan telah melonjak kepada 33.3% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 daripada 10.6% pada tempoh yang sama tahun 1996. Sementara sektor kecil peleburan timah merosot sebanyak 10.2%

disebabkan pengeluaran bijih yang berkurangan, pengeluaran industri **logam asas bukan ferum yang lain** seperti pengeluaran produk-produk aluminium, plumbum, tembaga dan zink mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 37.9% pada tempoh kajian (Januari-Julai 1996: 11.7%), disebabkan oleh permintaan yang tinggi untuk produk-produk tersebut.

Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pengeluaran industri **keluaran logam yang direka** bertambah sebanyak 10.3% berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 29.3% pada tempoh yang sama tahun 1996. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini disebabkan oleh kemerosotan sektor kecil produk struktur logam sebanyak 2.2% berbanding pertumbuhan pesat yang dialami pada tempoh yang sama pada tahun 1996 (49.5%). Pengeluaran yang berkurang ini sebahagiannya disebabkan kerja-kerja struktur beberapa projek pembinaan utama telah hampir selesai seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan kompleks sukan Bukit Jalil. Sebaliknya, permintaan yang meningkat bagi **produk-produk tembaga kuning, tembaga merah, piuter dan aluminium direka** telah mendorong peningkatan pengeluaran sektor kecil ini. Sektor kecil ini berkembang sebanyak 32% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan 17.2% yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1996. Bagi sektor kecil **bekas tin dan kotak logam**, pertumbuhan daripada industri pemprosesan makanan dan minuman telah mendorong pertumbuhan pengeluarannya sebanyak 18.1% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan 12.4% yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1996.

Kelengkapan Pengangkutan

Pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, pengeluaran industri **kelengkapan pengangkutan** yang merangkumi pembuatan dan pemasangan kenderaan bermotor serta bahagian dan aksesori kenderaan bermotor mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 12.6% (Januari-Julai 1996: 23.9%) disebabkan pertumbuhan pengeluaran kereta penumpang yang berkurang. Walau bagaimanapun pengeluaran **kenderaan perdagangan** yang bertambah hampir sekali ganda kepada 73,883 unit telah membantu industri kelengkapan pengangkutan untuk terus mencatatkan pertumbuhan dua angka.

Pengeluaran **kereta penumpang** di bawah 1600 ss meningkat sebanyak 19.3% dalam tempoh kajian, selepas meningkat sebanyak 30.6% pada tempoh yang sama tahun 1996. Walau bagaimanapun pengeluaran kereta penumpang 1600ss dan ke atas, telah merosot sebanyak 13.3%, iaitu satu kejatuhan yang ketara berbanding dengan peningkatan 58.5% yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1996. Pada masa ini, terdapat 17 buah kilang pemasangan kenderaan bermotor yang beroperasi di Malaysia, lima daripadanya mengeluarkan motosikal sahaja, lapan mengeluarkan kenderaan penumpang dan perdagangan, tiga mengeluarkan kenderaan perdagangan manakala PROTON mengeluarkan kereta penumpang sahaja. Komponen tempatan bagi kereta nasional adalah di antara 50% dan 86%. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997, pengeluaran kereta nasional meningkat sebanyak 19.6% kepada 161,668 unit yang mana 118,862 unit daripadanya adalah kereta PROTON manakala PERODUA mengeluarkan 42,806 unit.

PROTON memiliki dua buah kilang, di mana kilangnya di Shah Alam mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 230,000 unit setahun. Kilang kedua di bandar PROTON, Tanjung Malim pada mulanya dirancang untuk mengeluarkan 500,000 unit setahun, tetapi memandangkan permintaan kukuh dari dalam dan luar negeri, kapasiti pengeluarannya akan ditambah secara berperingkat hingga 1 juta unit menjelang tahun 2010. Fasa pertama bandar PROTON dijangka siap pada tahun 2000 dengan kapasiti pengeluaran 250,000 unit setahun. Fasa kedua yang akan disiapkan pada tahun 2003 akan menambah kapasiti pengeluaran kepada 500,000 unit. Di luar negeri, PROTON telah membina kilang pemasangan di Filipina dan merancang untuk membuka kilang alat ganti di Indonesia. PROTON juga sedang mengkaji kemungkinan mendirikan sebuah kilang di India. Dengan siapnya barisan pemasangan bagi model RUSA pada bulan April 1997, kapasiti pengeluaran kilang PERODUA di Serendah meningkat kepada 120,000 unit. Syarikat berkenaan telah juga memperuntukkan 46,500 hektar tanah berhampiran kilangnya untuk pembesaran. Dengan perkembangan ini, penekanan akan diberi kepada penyelidikan dan pembangunan. PERODUA merancang mengeluarkan tiga model baru dalam masa tiga tahun akan datang dan mencapai 100% komponen tempatan pada tahun 2001.

Pengeluaran **motosikal dan skuter** meningkat sebanyak 36.5% kepada 253,360 unit dalam tempoh kajian didorong oleh permintaan kukuh serta peningkatan kapasiti pengeluaran. Jumlah kapasiti pengeluaran industri ini adalah sebanyak 400,000 unit setahun dengan purata komponen tempatannya pada paras 56.6%. Pengeluaran motosikal nasional, Kriss yang telah dilancarkan oleh MODENAS pada bulan November 1996 adalah 63,599 unit pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, dan menguasai 30.3% daripada keseluruhan pasaran.

Permintaan bagi **kenderaan bermotor** serta alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor terus kukuh pada tempoh tujuh bulan pertama 1997. Jumlah jualan kenderaan bermotor pada tujuh bulan pertama tahun 1997 meningkat sebanyak 24.5% kepada 467,055 unit (Januari-Julai 1996: 9.3%). Jualan kereta nasional meningkat sebanyak 23.3% dan menyumbang 80.3% kepada jumlah pasaran kereta penumpang. PROTON menguasai 63.6% daripada pasaran sementara PERODUA, 17%. Jualan kereta bukan nasional meningkat sebanyak 14.9% kepada 33,470 unit. Daripada ini Honda, Toyota dan Nissan mencatatkan jualan yang lebih baik. Jualan kenderaan perdagangan terus kukuh dan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 25.8% dengan jualan sebanyak 44,813 unit mencerminkan kegiatan ekonomi tempatan yang pesat. Jualan kenderaan pacuan empat roda melambung tinggi sebanyak 40.3% kepada 14,800 didorong oleh permintaan bagi kegunaan rekreasi dan komersil. Jualan motosikal meningkat sebanyak 25.6% kepada 237,455 unit.

Selaras dengan perkembangan industri kenderaan bermotor dan penggunaan komponen tempatan yang meningkat bagi kelengkapan asal dan alat ganti, sektor kecil pembuatan **komponen kenderaan dan aksesori** mencatatkan kenaikan sebanyak 26.7% dari segi nilai jualan dalam tempoh kajian selepas mencatatkan peningkatan 60.4% dalam masa yang sama tahun 1996.

Sektor Pertanian

Pertumbuhan sektor pertanian dijangka meningkat pada kadar 3.5% pada tahun 1997 (1996: 2.2%) disebabkan oleh kenaikan 7.3% dalam pengeluaran minyak kelapa sawit dan pengeluaran kayu balak yang kembali pulih sebanyak 3.4%.

Pengeluaran getah walau bagaimanapun dijangka mencatatkan tahun ketiga berturut turut kemerosotan, iaitu sebanyak 6.7%, manakala pengeluaran koko dijangka menurun sebanyak 6% pada tahun 1997. Disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan dalam sektor pertanian berbanding dengan sektor lain dalam ekonomi, sumbangannya kepada keseluruhan KDNK dijangka menurun lagi daripada 12.7% pada tahun 1996 kepada 12.2% pada tahun 1997.

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997, pengeluaran **minyak kelapa sawit** meningkat sebanyak 10.4% kepada 5.78 juta tan metrik (Januari-Ogos 1996: 7.5%). Bagi keseluruhan tahun 1997, pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka berkembang pada kadar 7.3% kepada 9.0 juta tan metrik dengan pertumbuhan pengeluaran dijangka sampai ke kemuncaknya pada bulan September/Oktobre. Peningkatan keluasan matang sebanyak 106,000 hektar terutamanya di Sabah dan Sarawak, berserta dengan kadar perahan

Jadual 4.6
Keluasan Tanaman dan Pengeluaran
Minyak Kelapa Sawit

	1996	% perubahan	1997 ^a	% perubahan
Keluasan tanaman ('000 hektar)	2,615	3.0	2,675	2.3
Keluasan matang ('000 hektar)	2,326	4.1	2,413	3.7
Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Minyak kelapa Sawit	8,386	7.4	9,000	7.3
Minyak isirong kelapa sawit	1,107	7.1	1,173	6.0
Penghasilan (kg/hektar)	3,550	1.7	3,610	1.7

^a anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama


minyak (Oil Extraction Rate) pada kadar 19% berbanding dengan 18.71% yang dicapai pada tahun 1996 dan pengeluaran lambak pada akhir kitaran hasil biologi yang bermula pada tahun 1994 adalah faktor-faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan pengeluaran minyak kelapa sawit pada tahun 1997. Hasil purata yang bertambah baik bagi setiap hektar tangkai buah segar dari 18.95 tan metrik setiap hektar pada tahun 1996 kepada 19.00 tan metrik setiap hektar juga menyumbang kepada peningkatan pengeluaran minyak kelapa sawit.

Kebanyakan pengeluaran minyak kelapa sawit dihasilkan daripada Semenanjung Malaysia, yang menyumbang sebanyak 75.7% atau 6.81 juta tan metrik. Sarawak pula dianggarkan mengeluarkan sebanyak 1.93 juta tan metrik atau 21.4% dari keseluruhan pengeluaran manakala Sabah dijangka menyumbang 0.26 juta tan metrik atau 2.9% dari keseluruhan pengeluaran tahun 1997. Jumlah keluasan tanaman dengan pokok kelapa sawit pada tahun 1997 dianggarkan seluas 2.68 juta hektar, yang mana 2.33 juta hektar adalah keluasan matang.

Pengeluaran **minyak isirong kelapa sawit** meningkat sebanyak 5.6% kepada 0.74 juta tan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997 (Januari-Ogos 1996: 6.8%). Sejarai dengan pengeluaran minyak kelapa sawit dan permintaan yang meningkat dari produk oleokimia, adalah dijangkakan pengeluaran bagi keseluruhan tahun 1997 meningkat sebanyak 6% kepada 1.2 juta tan metrik.

Untuk menggalakkan permintaan bagi produk minyak kelapa sawit meningkat, industri minyak kelapa sawit melalui Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi mempelbagaikan penggunaan akhir minyak kelapa sawit dan kitaran semula pokoknya. Sehingga akhir tahun 1996, sebanyak 43 teknologi telah diusahakan yang mana 26 teknologi telah di dagangkan. Antara teknologi yang dibangunkan oleh PORIM ialah pengeluaran sapan-rendah lemak berasaskan minyak sawit, proses pengeluaran pulpa dan kertas dari serabut kelapa sawit, surfaktan Anionik berasaskan minyak sawit, proses pengeluaran vanaspati berasaskan minyak sawit yang bebas dari trans dan serbuk santan berasaskan sawit.

Carta 4.2
Indeks Pengeluaran Pertanian
(1978 = 100)



Kayu Kayan

Pengeluaran **kayu balak** dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 telah meningkat pada kadar 8% kepada 16.2 juta meter padu, menunjukkan pemulihan kukuh berbanding dengan penurunan 9.1% pengeluaran dalam tempoh yang sama tahun 1996. Bagi keseluruhan tahun 1997, pengeluaran dijangka meningkat sebanyak 3.4% kepada 31.16 juta meter padu. Negeri Sarawak adalah dijangka penyumbang kebanyakan pengeluaran kayu balak, iaitu sebanyak 55.6% atau 17.33 juta meter padu, diikuti oleh Semenanjung Malaysia 24.1% atau 7.50 juta meter padu dan Sabah dengan sumbangan pengeluaran sebanyak 20.3% atau 6.33 juta meter padu. Pengeluaran kayu balak dari Sarawak dijangka meningkat pada kadar 7.8% pada tahun 1997 (1996: -0.1%) disebabkan penebangan pokok bagi Projek Loji Janakuasa Hidroelektik Bakun manakala dari Sabah dijangka meningkat sebanyak 12.2% (1996: -2.9%). Walau bagaimanapun, pengeluaran

dari Semenanjung Malaysia dijangka menurun sebanyak 10.9% (1996: -6.8%) kerana mengikut syarat penebangan tahunan yang telah ditetapkan.

Malaysia akur kepada syarat ketat terhadap dasar pengurusan hutan berkekalan dengan komitmen mengekalkan 50% daripada keluasan tanahnya diliputi hutan. Daripada seluas 32.9 juta hektar di Malaysia, 18.9 juta hektar adalah diliputi keluasan hutan semulajadi. Daripada ini, 14.1 juta hektar telah disyaratkan sebagai Estet Hutan Kekal. Tambahan pula sebanyak 3.39 juta hektar telah dikhaskan bagi perlindungan hutan dalam bentuk taman negara, perlindungan hidupan liar dan rizab semulajadi. Untuk menambah sumber kayu balak dari hutan semulajadi, seluas 171,060 hektar telah di bangunkan sebagai perladangan hutan, yang mana 61.6% adalah di Sabah dan selebihnya di Semenanjung Malaysia. Sejumlah 200,000 hektar tambahan di Sarawak telah dikhaskan untuk ditanam dengan spesies tumbuhan cepat kayu balak jenis *acacia manggium* untuk digunakan sebagai pulpa yang akan ditanam keseluruhannya dalam tempoh tujuh tahun, dengan keluasan tahunan tanaman 28,000 hektar. Langkah selanjutnya bagi meningkatkan penawaran sumber kayu balak ialah melalui tanaman semula hutan. Pada tahun 1996, seluas 15,985 hektar telah ditanam semula dengan keluasan 13,000 hektar dikhaskan bagi setiap tahun pada tahun 1997 dan 1998.

Getah

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pengeluaran **getah** merosot sebanyak 7.7% kepada 558,574 tan metrik, dimana kedua dua sektor iaitu estet dan pekebun kecil merekodkan kemerosotan. Pekebun kecil menyumbang sebanyak 79.7% daripada keseluruhan pengeluaran dalam tempoh tersebut, manakala selebihnya dihasilkan oleh sektor estet. Pengeluaran yang rendah ini disebabkan oleh penukaran berterusan keluasan tanaman getah kepada lain-lain kegunaan. Kekurangan tenaga buruh dan harga yang kurang menarik juga tidak menggalakkan penorehan. Memandangkan kepada keadaan ini, jumlah pengeluaran getah bagi tahun 1997 dijangka menurun lagi sebanyak 6.7% kepada 1.01 juta tan metrik (1996: -0.6%), walaupun hasil bertambah baik sebanyak 2.2%, daripada 980 kg/hektar pada tahun 1996 kepada 1,002 kg/hektar pada tahun 1997 bagi tanaman di Semenanjung Malaysia.

Jumlah keluasan tanaman getah pada tahun 1997 dijangka berkurangan sebanyak 0.5% kepada 1.66 juta hektar. Penurunan keluasan tanaman ini adalah dari Semenanjung Malaysia dengan kekurangan sebanyak 0.8%, manakala Sabah dan Sarawak mencatatkan pertambahan masing-masing sebanyak 1% dan 0.3%. Di Semenanjung Malaysia, penurunan keluasan tanaman dijangka bagi sektor estet dan pekebun kecil masing-masing 2.9% dan 0.3%. Di Sabah dan Sarawak pertambahan keluasan tanaman getah adalah dari sektor pekebun kecil.

Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) telah mengenalpasti beberapa amalan yang boleh meningkatkan lagi produktiviti. Ini adalah dalam kadar penggunaan baja, penggunaan klon yang bermutu tinggi dan teknik dan teknologi penorehan. Menyedari bahawa pembajaan pokok getah yang

Jadual 4.7
Keluasan Tanaman Getah, Hasil dan Pengeluaran

	1996	% perubahan	1997 ^a	% perubahan
Jumlah Keluasan ('000 hektar)				
Kebun kecil	1,424.7	-2.2	1,422.6	-0.1
Estet	247.8	-7.4	240.8	-2.8
Hasil¹ (kg/hektar)				
Kebun kecil	942	0.1	967	2.7
Estet	1,146	1.0	1,164	1.6
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Kebun kecil	844	-0.4	788	-6.6
Estet	238	-2.1	222	-6.7
% daripada pengeluaran dunia	17.1		15.9	

¹ Semenanjung Malaysia sahaja

^a Anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan

muda adalah penting untuk mendapatkan hasil yang tinggi, Program Pembajaan Penjanaan Perlahan telah diperkenalkan untuk digunakan di kawasan di mana kekurangan tenaga buruh adalah kritikal, supaya frekuensi membaja dapat dikurangkan. Bagi klon yang berkualiti tinggi, RRIM mencadangkan Projek Pengawasan Pembangunan dilaksanakan di mana klon pokok getah yang bermutu tinggi digunakan terutama di sektor pekebun kecil. Melalui projek ini, RRIM akan menyediakan benih pokok getah yang bermutu tinggi untuk diedarkan kepada pekebun kecil dengan kerjasama RISDA, FELDA dan FELCRA. Untuk mengurangkan masalah tenaga buruh, RRIM juga telah memperbaiki pelbagai teknik dan teknologi dalam penorehan getah seperti REACTORRIM dan RRIMFLOW dimana teknik dan teknologi ini terbukti berjaya dalam mempertingkatkan produktiviti dalam penorehan getah.

Pertanian Lain, Ternakan dan Perikanan

Pengeluaran **biji koko** dijangka sebanyak 112,800 tan metrik pada tahun 1997, penurunan sebanyak 6% berbanding pengeluaran sebanyak 120,071 tan metrik pada tahun 1996. Pengeluaran rendah ini adalah disebabkan oleh penurunan keluasan, harga koko yang tidak menggalakkan dan cuaca yang kurang memuaskan. Jumlah keluasan tanaman koko dijangka akan menurun sebanyak 1.7% kepada 205,600 hektar pada tahun 1997 (1996: 209,177 hektar). Kejatuhan harga biji koko telah memaksa estet-estet beralih ke tanaman lain yang lebih lumayan.

Pengeluaran **lada hitam** dijangka meningkat sebanyak 33.3% pada tahun 1997 kepada 16,075 tan metrik disebabkan oleh keluasan tanaman baru yang telah mula berhasil, pengurusan yang lebih baik dan harga yang lebih menggalakkan. Perluasan keluasan tanaman lada daripada 10,620 hektar pada tahun 1996 kepada 11,215 hektar pada tahun 1997 adalah berikutan daripada harga lada yang menggalakkan dan juga "Skim Subsidi Lada" yang telah diperkenalkan pada tahun 1972 oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi membantu pekebun kecil dalam menanam tanaman baru dan penjagaan ladang yang matang. Berkaitan dengan pemasaran, Lembaga Lada Malaysia merancang memperkenalkan pasaran fizikal hadapan lada pada tahun 1997 bagi menggalakkan perniagaan

dalam Kontrak Hantaran Fizikal. Ini membolehkan petani memperoleh banyak pilihan untuk menjual pengeluaran mereka dan pada masa yang sama pengeksport boleh melindungi(hedge) jualan hadapan mereka.

Pengeluaran **buah-buahan tempatan** utama seperti durian, rambutan, belimbing besi, jambu, manggis, pisang dan betik dijangka akan meningkat pada kadar 2.4% kepada 1.17 juta tan metrik pada tahun 1997 berbanding dengan 1.15 juta tan metrik yang dicatatkan pada tahun 1996. Begitu juga dengan keluasan penanaman buah-buahan utama tempatan dijangka berkembang pada kadar 2.1% kepada 269,490 hektar daripada 264,074 hektar pada tahun 1996.

Jadual 4.8
Pengeluaran Tanaman Lain,
Ternakan dan Perikanan
(‘000 tan metrik)

	1996	% perubahan	1997 ^a	% perubahan
Padi	2,227	4.7	2,253 ^p	1.2
Koko	120.0	-8.7	112.8	-6.0
Lada hitam	12.0	-7.7	16.0	33.3
Nanas	121.9	-13.2	123.1	1.0
Tembakau ¹	97.8	10.6	114.3	16.9
Buah-buahan ²	1,145	9.9	1,173	2.4
Perikanan ³	1,236	-0.4	1,255	1.5
Ternakan ⁴	924.1	3.5	966.6	4.6

¹ Daun tembakau hijau

² Mengandungi tujuh jenis buah-buahan utama iaitu durian, belimbing besi, jambu batu, rambutan, manggis, pisang dan betik

³ Pendaratan ikan laut.

⁴ Termasuk daging lembu/kerbau, daging ayam, daging kambing dan daging khinzir

^a Anggaran

^p Anggaran awal

Sumber: Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama.

Pada tahun 1997, nilai di ladang industri **ternakan** dijangka berkembang sebanyak 4.6% kepada RM4,544 juta (1996: RM4,346 juta). Peningkatan pengeluaran ini berpunca dari menternak khinzir dan ternakan ayam yang menggunakan teknologi tinggi dalam pengeluaran, masing-masing meningkat pada kadar 5% dan 4.5%. Jumlah nilai bagi kedua-dua sektor ini dianggarkan sebanyak RM4,327 juta (masing-masing RM1,256.9 juta dan RM3,070.1 juta) atau 95.2% daripada keseluruhan pengeluaran ternakan. Pengeluaran daripada **perikanan laut** dan **akuakultur** dijangka meningkat sebanyak 1.5% kepada 1.255 juta tan metrik. Untuk meningkatkan penawaran ikan sebagai sebahagian langkah bagi membendung tekanan inflasi, kerajaan telah melancarkan Tabungan Galakan Nelayan pada bulan Jun 1997. Dibawah tabungan ini, nelayan boleh mendapatkan pinjaman tanpa faedah bagi membiayai aktiviti perikanan. Sejumlah 25,000 nelayan seluruh negara dijangka mendapat faedah dari tabungan ini.


Sektor Perlombongan

Pertumbuhan dalam **sektor perlombongan** dijangka perlahan daripada 4.5% pada tahun 1996 kepada 2.8% pada tahun 1997. Pertumbuhan perlahan dalam sektor perlombongan ini berpunca daripada pertumbuhan aktiviti kuari dan pengeluaran minyak mentah. Pengeluaran timah dan tembaga yang dilombong dari Perlombongan Tembaga Mamut di Sabah dijangka menurun lagi pada tahun 1997. Dengan pertumbuhan perlahan dalam nilai ditambah, sumbangan sektor perlombongan kepada KDNK dijangka menurun kepada 6.8% pada tahun 1997 (1996: 7.2%).

Minyak Mentah dan Gas

Pengeluaran **minyak mentah** Malaysia (termasuk kondensat) dijangka meningkat sebanyak 0.5% kepada purata 720,700 tong sehari (tsh) pada tahun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 1.7% pada tahun 1996. Peningkatan pengeluaran ini disebabkan pertambahan 20,000 tsh yang dikeluarkan oleh Petronas mulai September 1997. Daripada jangkaan pengeluaran, pengeluaran kondensat dijangka menyumbang sebanyak 84,000 tsh. Daripada jumlah pengeluaran, Semenanjung Malaysia dengan 14 telaga minyak menghasilkan

Carta 4.3
Indeks Pengeluaran Perlombongan
(1987 = 100)



59.5% daripada jumlah pengeluaran, manakala Sabah, dengan tujuh telaga minyak, menghasilkan 8.3% dan Sarawak, dengan 13 telaga minyak menyumbang 32.2%. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, jumlah pengeluaran minyak mentah menurun sebanyak 4.2% kepada 699,700 tsh berbanding dengan 730,109 tsh dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pengeluaran yang rendah ini disebabkan oleh penutupan sementara dua telaga minyak di Semenanjung Malaysia dan pembersihan teminal minyak di Labuan, Sabah.

Sejumlah 50,422 kilometer data sesemik telah di perolehi bagi lima telaga eksplorasi dan 92,843 kilometer bagi 11 telaga pembangunan dan pengeluaran yang akan di gerudi pada tahun 1997. Sejumlah tujuh Kontrak Pengeluaran Bersama telah ditandatangani dalam tempoh 1996 hingga setengah tahun pertama tahun 1997. Bagi luar negara, PETRONAS Carigali (Overseas) Sdn Bhd. telah memperolehi sejumlah 22,332 kilometer data sesemik bagi eksplorasi.

Jadual 4.9**Pengeluaran Minyak Mentah dan Gas**

	1996		1997 ^a	
	Jumlah	% perubahan	Jumlah	% perubahan
Minyak mentah ¹ (tsh) ¹	717,200	1.7	720,700	0.5
Gas asli (mmscfd) ²	3,411	21.4	3,899	14.3

¹ Termasuk bahan wap² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula^a anggaran

Sumber: PETRONAS

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pengeluaran daripada **gas asli** berkembang sebanyak 15.7% kepada 3,836 juta kaki padu sehari (mmscfd) berbanding 3,316 juta kaki padu sehari pada tahun 1996. Dengan perangsangan daripada permintaan yang meningkat bagi gas asli untuk pasaran tempatan dan antarabangsa, jumlah pengeluaran bersih gas asli bagi tahun 1997 dijangka meningkat sebanyak 14.3% kepada 3,899 mmscfd (1996: 21.4%). Dengan jangkaan siapnya fasa akhir Penggunaan Gas Semenanjung (PGU III) menjelang akhir tahun 1997 ia dijangka akan memberi sumbangan tambahan kepada penggunaan gas tempatan. Dengan rangkaian saluran paipnya hampir siap, ianya dapat membekalkan gas bermula dari Kertih, Terengganu di Pantai Timur ke Johor Baharu di selatan, dan di Pantai Barat sehingga ke Pauh, Perlis di utara. Penggunaan gas tempatan, seterusnya dijangka akan meningkat sebanyak 16.8% kepada 1,156 mmscfd (1996: 990 mmscfd). Begitu juga, dengan siapnya loji LNG Satu dan LNG Dua di Bintulu pada akhir tahun 1996 telah meningkatkan penawaran gas asli cecair (LNG) terutama bagi memenuhi permintaan yang meningkat daripada Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Timah

Mencerminkan kurangnya pelaburan baru dalam sektor ini, oleh kerana rizab timah semakin susut,

pengeluaran timah dalam konsentrat dijangka menurun lagi sebanyak 5.3% kepada 4,900 tan metrik pada tahun 1997 (1996: -19.2 % atau 5,174 tan metrik). Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997, pengeluaran timah merosot sebanyak 9.4% kepada 2,579 tan metrik (Januari-Jun 1996: -9.4%). Sehingga akhir bulan Jun tahun 1997, jumlah bilangan lombong timah masih beroperasi ialah sebanyak 35 dengan pengeluaran 2,100 tan metrik berbanding dengan 43 lombong dengan pengeluaran 2,453 tan metrik.

Bahan-bahan Galian Lain

Pengeluaran galian-galian lain iaitu tembaga, bauksit dan bijih besi dijangka menunjukkan prestasi bercampur-campur. Tembaga dijangka mencatatkan penurunan lagi sebanyak 14% dalam pengeluarannya (1996: -2.3%) disebabkan oleh susutan rizab bijih tembaga. Begitu juga dengan pengeluaran biji besi, dijangka menurun sebanyak 32.3% daripada 325,114 tan metrik pada tahun 1996 kepada 220,000 tan metrik pada tahun 1997. Walau bagaimanapun, pengeluaran bauksit

Jadual 4.10**Pengeluaran, Bilangan Lombong dan Pekerjaan Dalam Industri Perlombongan Timah**

	1996		1997 ^a	
	Jumlah	% perubahan	Jumlah	% perubahan
Pengeluaran (‘000 tan metrik)	5.2	-19.2	4.9	-5.3
Bilangan lombong*	43	7.5	35	-18.6
Kapal korek*	5	25.0	3	-40.0
Pam kelikir*	19	-5.0	19	0.0
Dedah dan lombong bawah tanah*	19	6.3	13	-31.6
Bilangan pekerja*	2,073	7.5	1,870	-9.8

* Sehingga akhir Jun 1996 dan Jun 1997

^a Anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan

dijangka meningkat sebanyak 14.3% kepada 250,000 tan metrik pada tahun 1997 (1996: 218,680 tan metrik).

Sektor Pembinaan

Pertumbuhan sektor pembinaan dijangka sederhana kepada 11% dalam tahun 1997 (1996: 14.2%). Pertumbuhan yang sederhana dijangka disumbangkan oleh permulaan pembinaan yang perlahan bagi bangunan, ruang pejabat dan ruang perniagaan serta kondominium berharga tinggi. Permulaan pembinaan yang perlahan mencerminkan sikap berhati-hati pemaaju memandangkan penawaran yang meningkat berbanding permintaan yang rendah berikutan pengenalan levi RM100,000 ke atas pembelian oleh rakyat asing bagi harta melebihi RM250,000 dalam tahun 1996. Levi berkenaan bagaimanapun telah ditarik balik semenjak 28 August 1997. Garispanduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada institusi kewangan bagi menghadkan pinjaman ke atas sektor hartanah telah melemahkan minat kepada permulaan pembinaan baru bagi bangunan perniagaan dan bangunan kediaman berharga tinggi. Permulaan pembinaan bagi bangunan bertingkat rendah (landed property), terutama bagi harta kediaman berharga rendah dan sederhana bagaimanapun kekal kukuh. Mencerminkan permintaan yang kukuh untuk bangunan bertingkat rendah dan permintaan yang lemah untuk kediaman bertingkat tinggi, Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) untuk rumah teres berkembang sebanyak 11.2%, rumah berkembar 8.5% dan rumah sesebuah 10.4% sementara IHRM bagi unit bertingkat tinggi merosot sebanyak 4.6% dalam separuh pertama tahun 1997. Dipengaruhi oleh kelulusan projek-projek pelaburan yang tinggi dalam sektor pembuatan oleh MIDA dalam tempoh 1994-1996, pembinaan bagi kawasan industri dan kilang kekal aktif. Perkembangan ini, beserta dengan kerja-kerja kejuruteraan sivil yang aktif dalam projek-projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan membantu mengekalkan pertumbuhan sektor pembinaan pada kadar dua angka dalam tahun 1997. Jumlah pinjaman yang disediakan oleh sistem bank bagi pembiayaan kewangan sektor pembinaan meningkat daripada kadar pertumbuhan tahunan 35.7% pada akhir bulan Julai 1996 kepada 47.7% pada akhir bulan Julai 1997, mencerminkan aktiviti pembinaan yang berkembang secara sederhana.

Permulaan pembinaan bangunan perniagaan seperti kompleks pejabat dan kompleks perniagaan, dijangka perlahan memandangkan terdapat lebih dalam penawaran. Lebih kurang 792,853 meter persegi (m.p) ruang pejabat di dalam peringkat pembinaan dijangka akan menambah bekalan yang sedia ada sebanyak 3.4 juta m.p di Lembah Klang dalam tahun 1997 dan lebih kurang 60% dari penawaran ini adalah di kawasan pusat perniagaan utama dan kawasan segitiga di Kuala Lumpur. Bagaimanapun, kadar pengambilan di kawasan utama kekal tinggi pada kadar 90% dalam separuh pertama tahun 1997. Permintaan untuk kawasan utama di kawasan perniagaan utama dan segitiga serta kawasan pertumbuhan di luar pusat bandar kekal kukuh. Kadar sewa bulanan di kawasan utama berkenaan kekal di antara RM46 dan RM70 meter persegi.

Pelaburan dalam hotel tempatan dan projek-projek pelancungan terus berkembang, digalakkan melalui penyediaan insentif cukai dalam Belanjawan 1997 dalam bentuk Elaun Cukai Pelaburan dan Status Perintis untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat persidangan dan pameran. Sehingga Jun 1997 pelaburan modal yang diluluskan oleh Kerajaan berjumlah RM16.9 bilion dalam 199 projek hotel dan pelancungan. Sejumlah 115 buah hotel dengan 24,646 bilik dijangka akan dibekalkan dalam tahun 1997 di seluruh negara. Pada masa ini lebih kurang 15 buah hotel yang mengandungi lebih dari 8,000 bilik berada di dalam berbagai peringkat pembinaan di Kuala Lumpur untuk memenuhi jangkaan permintaan yang tinggi sepanjang tempoh Sukan Komanwel dalam bulan September 1998. Ini dijangka menyumbang kepada jumlah hotel dan pusat percutian yang ada di negara ini kepada 1,404 buah dan bilik hotel berjumlah 110,160 dalam tahun 1997 daripada 1,289 dan 85,514 masing-masing dalam tahun 1996.

Tahap permulaan pembinaan bagi kawasan industri kekal kukuh berikutan peningkatan ketara dalam bilangan projek-projek industri yang diluluskan oleh MIDA sepanjang tempoh 1994-1996. Di antara kawasan industri yang berada dalam pembinaan pada masa ini ialah di Bukit Beruntung, Selangor; Seri Alam, Johor; Nilai, Rembau dan Pedas, Negeri Sembilan; Jaya Gading dan Telok Kalong, Trengganu dan Kuala Kangsar, Perak. Di Kedah, pelaksanaan Taman Teknologi Tinggi Kulim dijangka menarik jumlah pelaburan

sebanyak RM15 bilion. Sementara itu di Malaysia Timur, Taman Kota Kinabalu berada di peringkat pembinaan yang meliputi kawasan kira-kira 3,700 hektar.

Permulaan pembinaan dalam **bangunan kediaman** kekal aktif, memandangkan ujud permintaan yang kukuh dalam harta bertingkat rendah (landed properties) dan apartmen bertingkat tinggi yang berharga rendah dan sederhana. Bagaimanapun, pembinaan unit-unit bertingkat tinggi yang berharga tinggi dijangka stabil. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997, jumlah unit rumah yang akan dibina oleh pemaju swasta meningkat sebanyak 125.5% dengan 135,983 unit berbanding 65,945 unit dibina dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Dari jumlah unit rumah yang diluluskan untuk pembinaan, 23.5% adalah rumah kos rendah, 30.1% rumah kos sederhana dan 46.4% rumah kos tinggi (Jan-Ogos 1996: 21.4%, 35.6% dan 43% masing-masing). Dalam kes flat/kondominium melebihi RM100,000, jumlah unit rumah yang diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melebihi dua kali ganda kepada 24,678 unit dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997 berbanding 9,529 unit dalam tempoh yang sama pada tahun 1996. Mencerminkan permulaan pembinaan yang tinggi, permit jualan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meningkat sebanyak 34.7% manakala lesen baru yang dikeluarkan kepada pemaju swasta meningkat sebanyak 48.6% dalam lapan bulan pertama tahun 1997.

Pembinaan rumah kos rendah bagi golongan berpendapatan rendah kekal kukuh terutama bagi projek-projek yang dibiayai di bawah tiga tabung yang ditadbirkan oleh Bank Negara Malaysia. Di bawah **Tabung Untuk Rakyat Termiskin**, sehingga bulan Ogos 1997, lapan projek (3,239 unit) telah disiapkan, yang mana tiga projek daripadanya iaitu di Jalan Jelatek di Kuala Lumpur, Peringgit di Melaka dan Paya Nahu di Sungai Petani telahpun didiami. Tujuh belas projek lagi (mengandungi 10,320 unit) berada dalam berbagai peringkat pembinaan. Bagi **Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah**, 76 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan. Sehingga akhir Ogos 1997, 26 projek telah disiapkan dan 36 projek (16,524 unit) berada dalam berbagai peringkat pembinaan. Sejumlah RM272.4 juta telah dikeluarkan daripada tabung

berkenaan sehingga akhir Ogos 1997. Di bawah **Tabung Pusingan Untuk Perumahan Kos Rendah**, sehingga akhir Ogos 1997, jumlah unit rumah yang dirancang untuk dibina dalam tahun 1997 dan 1998 berjumlah 98,800 unit. Program ini mengandungi pembinaan bagi 45,709 unit rumah kos rendah, 10,521 unit rumah kos sederhana rendah dan 25,450 rumah kos sederhana tinggi, sementara selebihnya adalah bagi unit-unit kos tinggi dan unit perniagaan. Sehingga akhir Ogos 1997 sebanyak RM696.9 juta telah dikeluarkan untuk pembelian tanah dan bayaran kemajuan pembinaan projek. Enam projek (9,820 unit rumah) berada dalam peringkat pembinaan pada akhir Ogos 1997. Empat dari projek-projek berkenaan terletak di Selangor (7,380 unit), satu projek terletak di Pulau Pinang (1,284 unit) dan satu projek di Sabah (1,156 unit). Peruntukan khas sebanyak RM60 juta juga disediakan untuk menyediakan 766 unit rumah untuk kakitangan bagi perkhidmatan asas seperti polis dan pertahanan awam. Sehingga Ogos 1997, 460 unit rumah di bawah peruntukan khas ini telah disiapkan, manakala 306 unit masih dalam peringkat pembinaan. Sejumlah RM30 juta diperuntukkan untuk membiayai 1,055 projek-projek kecil infrastruktur bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kampung-kampung tradisi di seluruh negara.

Di bawah **Program Perumahan Awam Kos Rendah** yang dilaksanakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, dari 44,000 unit yang disasarkan untuk dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), 7,436 unit telah disiapkan pada akhir Ogos 1997 dan 19,926 unit berada dalam berbagai peringkat pembinaan. Kira-kira RM570.4 juta telah diperuntukkan kepada program ini di bawah RMT di mana pengeluaran pada akhir Ogos 1997 berjumlah RM80.0 juta.

Pembinaan dalam **sektor kecil kejuruteraan sivil** kekal kukuh dalam tahun 1997, dipengaruhi oleh pembangunan infrastruktur. Fasa pertama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berada dalam peringkat akhir penyiapan dan akan memulakan operasi dalam suku tahun pertama tahun 1998. Bagi Transit Aliran Ringan Fasa 2, masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap mengikut jadual untuk Sukan Komanwel dalam bulan September 1998. Beberapa projek jalan kini berada dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Ini termasuk Hubungan Kedua ke

Singapura, Lingkaran Tengah II (fasa 2) di Kuala Lumpur, menaikkan taraf Lebuhraya KL-Karak dan Lebuhraya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang.

Permulaan pembinaan bagi projek baru sektor awam yang diluluskan dalam RMT dijangka meningkat dalam tahun 1997 dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan meningkat ke RM15.8 bilion (1996: RM14.6 bilion). Di antaranya projek-projek pembangunan bernilai RM3.4 bilion akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dalam tahun 1997. Projek-projek yang akan dilaksanakan termasuk projek-projek pembaikan 445 jalan dan jambatan, pembinaan 72 bangunan dan 79 projek berkaitan bekalan air.

Sektor Perkhidmatan

Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** pada tahun 1997 dijangka akan menerima kesan dari kesederhanaan dalam permintaan dalam negeri bagi perkhidmatan-perkhidmatan oleh sektor ekonomi sebenar. Walaubagaimanapun, nilai ditambah sektor ini dijangka berkembang pada kadar 8.7% melebihi pertumbuhan KDNK tetapi lebih rendah berbanding 9.7% yang direkodkan dalam tahun 1996. Ini disebabkan oleh perkembangan keupayaan terutamanya dalam sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan. Sumbangannya kepada KDNK dijangka meningkat melebihi dari 44.8% dalam tahun 1996 ke 45% dalam tahun 1997. Peningkatan ini mencerminkan usaha-usaha berterusan yang diambil oleh Kerajaan untuk terus membangunkan sektor perkhidmatan sebagai penggerak baru ke arah pembangunan serta sebagai penjana yang lebih cergas dalam perolehan pertukaran asing. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan termasuk menggalakkan industri perkapalan dan insurans semula, memperbaiki dan mengembangkan kemudahan pelabuhan, mengembangkan keupayaan pengangkutan udara, industri pengembaraan seperti pelancungan, pendidikan serta mengeksport perkhidmatan profesional.

Usaha-usaha yang telah diambil pada masa lalu untuk membangunkan keupayaan sektor perkhidmatan dalam usaha mengeksport perkhidmatan dan menggantikan import perkhidmatan telah mendatangkan hasil. Dalam

tahun 1997, eksport perkhidmatan (tidak termasuk terimaan pendapatan dari pelaburan) dijangka meningkat sebanyak 13.3%, berbanding peningkatan 25.7% dalam tahun 1996. Kesan daripada penggantian import, pertumbuhan import perkhidmatan (tidak termasuk bayaran pendapatan ke atas pelaburan) dijangka menjadi perlahan dari 16.9% dalam tahun 1996 kepada 9.1% dalam tahun 1997.

Nilai ditambah **sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan** dijangka berkembang pada kadar yang lebih kukuh iaitu sebanyak 10.5% dalam tahun 1997 (1996: 9.8%) dengan menyumbangkan 7.6% daripada keseluruhan KDNK. Pertumbuhan yang kukuh ini disumbangkan oleh perkembangan keupayaan pengedaran dalam pengangkutan keretapi, udara

Jadual 4.11

Prestasi Sektor Perkhidmatan Pada Harga Tetap Tahun 1978 (%)

	Sumbangan Kepada KDNK		Kadar Pertumbuhan Tahunan	
	1996	1997 ^a	1996	1997 ^a
Elektrik, Gas dan air	2.4	2.5	12.0	12.0
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	7.4	7.6	9.8	10.5
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran	12.4	12.4	9.3	8.4
Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	11.3	11.7	14.6	11.5
Perkhidmatan Kerajaan	9.1	8.8	4.2	4.0
Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain	2.1	2.0	8.4	5.7
JUMLAH	44.8	45.0	9.7	8.7

^a Anggaran

dan perkapalan. Pertumbuhan hasil penumpang dari perkhidmatan keretapi komuter telah meningkat sebanyak 63.5% kepada RM22.4 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997 daripada RM13.7 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996 mencerminkan pertumbuhan yang tinggi dalam pengangkutan keretapi. Nilai ditambah dalam perkhidmatan keretapi komuter juga dipengaruhi oleh pengenalan perkhidmatan Transit Aliran Ringan dalam kawasan bandar Kuala Lumpur semenjak 1996. Hasil daripada perkembangan bilangan kapal terbang dan peningkatan dalam kekerapan penerbangan ke lebih banyak destinasi, hasil penumpang MAS meningkat sebanyak 8.2% pada tempoh Januari-Julai 1997 (Januari-Julai 1996: 12.9%) sementara hasil dari kargo meningkat sebanyak 13.2% (Januari-Julai 1996: 15.6%). Perolehan kapal dan 'tanker' bernilai RM546.7 juta oleh industri perkapalan tempatan dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 dijangka menyumbang nilai ditambah yang lebih tinggi dalam industri pengangkutan. Hasil Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dijangka berkembang 36.7% dalam tahun 1997, berbanding peningkatan sebanyak 37.3% dalam tahun 1996. Kargo yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan utama negara meningkat sebanyak 11.7% kepada 86.1 juta muatan berat tan (fwt) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 14.2% kepada 77.9 juta fwt) sementara pengendalian kargo kontena meningkat 19.8% kepada 1.6 juta unit setara 20 kaki (TEUs) (Januari-Julai 1996: 17.3% kepada 1.4 juta TEUs). Ini mencerminkan usaha-usaha yang berterusan untuk menggalakkan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan tempatan.

Nilai ditambah dalam sektor telekomunikasi terus berkembang kukuh dalam tahun 1997. Permohonan untuk talian telefon baru meningkat sebanyak 14.1% pada akhir bulan Julai 1997. Dalam tempoh yang sama, bilangan pelanggan perniagaan meningkat 14.4% mencapai 1.1 juta sementara pelanggan kediaman meningkat sebanyak 14% kepada jumlah 2.9 juta pelanggan. Berikutan daripada kejatuhan harga dan peningkatan dalam ciri-ciri, penggunaan telefon mudah alih juga meningkat. Jumlah pelanggan telefon mudah alih meningkat sebanyak 27.7% kepada kira-kira 1.5 juta pelanggan pada akhir bulan Julai 1997.

Jadual 4.12

**Petunjuk-Petunjuk Prestasi Pertumbuhan
Untuk Pengangkutan, Penyimpanan,
Telekomunikasi, Elektrik dan
Bekalan Air
(% Perubahan Tahunan)**

	<i>Januari-Julai 1996</i>	<i>Januari-Julai 1997</i>
Penerbangan Malaysia		
Hasil kargo	15.6	13.2
Hasil penumpang	12.9	8.2
KTM Berhad		
Hasil kargo	6.1	-10.6
Hasil penumpang	30.7	25.3
Lapan Pelabuhan Utama		
Pengendalian kargo	14.2	11.7
Kontena kargo	17.3	19.8
Syarikat Telekom Malaysia Berhad ¹		
Jumlah pengguna telefon	13.4	14.1
Pengguna telefon mudah alih ²	37.0	27.7
Tenaga Nasional Berhad		
Penggunaan elektrik	11.5	14.9
Penjanaan elektrik ³	3.9	14.0
Jabatan Kerja Raya		
Penggunaan air	-8.0	9.6
Kapasiti bekalan air ³	-2.9	8.0

Catatan: ¹ pada akhir tempoh

² termasuk Telekom, Celcom, Mobikom, Binariang dan Mutiara Telecommunication

³ untuk seluruh tahun

Sumber: MAS, KTM, pelbagai pelabuhan, TMB, TNB dan JKR.

Pertumbuhan pendapatan yang sederhana serta kejatuhan dalam harga saham dalam tempoh sukutahun ketiga 1997 dijangka memberi kesan ke atas aktiviti perniagaan dalam **sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran**. Oleh yang demikian nilai ditambah dalam sektor ini dijangka akan meningkat pada kadar

yang lebih rendah sebanyak 8.4% dalam tahun 1997 (1996: 9.3%). Nilai jualan industri berorientasikan pasaran dalam negeri meningkat sebanyak 13.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding peningkatan sebanyak 31.9% dalam tempoh yang sama dalam tahun 1996 mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam perdagangan borong dan runcit dalam negeri. Begitu juga cukai jualan dan cukai perkhidmatan merosot sebanyak 5.7% dan 1% masing-masing, dalam tujuh bulan pertama 1997 (Januari-Julai 1996: 30.3% dan 46.2% masing-masing).

Pertumbuhan nilai ditambah dalam **sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan** dijangka sederhana pada kadar 11.5% dalam tahun 1997 (1996: 14.6%), mencerminkan kesan dari pengenalan had ke atas pinjaman bank bagi sektor hartanah dan pembelian saham serta peningkatan yang lebih perlahan dalam jumlah pindahmilik sektor hartanah. Meskipun langkah-langkah baru yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini untuk mengawal pertumbuhan pinjaman akan lebih dirasai pada separuh tahun kedua 1997, pertumbuhan kredit yang tinggi oleh sistem bank dalam separuh pertama tahun 1997 tetap menjadi penggerak kepada sektor kecil ini untuk terus mencatatkan pertumbuhan pada kadar dua angka. Jumlah pinjaman dan pendahuluan yang diberikan oleh sistem bank meningkat sebanyak 28.7% kepada RM369.3 bilion pada akhir Julai 1997 (akhir Julai 1996: 27.4% kepada RM286.9 bilion). Dilihat dari kutipan premium dan pertumbuhan perniagaan yang baru sektor insurans juga menunjukkan prestasi yang baik. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997, pendapatan premium untuk insurans nyawa dan am meningkat sebanyak 19.3% kepada RM4,999.7 juta (Januari-Jun 1996: RM4,191.2 juta). Bagi pertumbuhan perniagaan baru, berdasarkan premium perniagaan baru dan jumlah yang diinsurankan, ianya dijangka meningkat masing-masing sebanyak 21.9% (Januari -Jun 1996: -2.4%) dan 29.7% (Januari-Jun 1996: 20%).

Dengan dipengaruhi oleh permintaan yang kukuh dari sektor industri dan perdagangan serta isirumah, nilai ditambah dalam **sektor kecil elektrik, gas dan air** dijangka berkembang pada kadar 12%, iaitu perkembangan pada kadar yang sama seperti tahun 1996. Permintaan untuk tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia meningkat 14.9% berjumlah 25,346 gigawatt dalam tempoh Januari hingga Julai 1997 (Januari-Julai 1996: 11.5%). Sektor industri menggunakan 55.8% dari jumlah penggunaan elektrik sementara sektor perdagangan menggunakan 26.7%. Dalam tahun 1997, Tenaga Nasional Berhad dan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP), merancang untuk meningkatkan pengeluaran sebanyak 14% berbanding peningkatan sebanyak 3.9% dalam tahun 1996, dengan tambahan 12,330 mega watt dijangka dibekalkan melalui peningkatan keupayaan di TNB Pergau, Paka, Melaka dan Segari, Lumut. Untuk sektor gas, bekalan gas dari Petronas Gas mencatatkan peningkatan sebanyak 231,554 gigajoule dalam tempoh Januari hingga Julai 1997 berbanding 187,178 gigajoule dalam tempoh yang sama pada tahun 1996. Bagi keseluruhan tahun 1997 pertumbuhan keluaran gas dijangka meningkat pada kadar 19.1% (1996: 11.7%). Sementara itu, penggunaan air di Semenanjung Malaysia dijangka meningkat pada kadar 9.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996 : -8%) dengan pengeluaran air harian pada kadar 9,900 juta liter sehari dalam tahun 1997. Dengan 89% dari jumlah penduduk dianggarkan dibekalkan dengan air paip pada akhir tahun 1997, jumlah penggunaan purata air dijangka meningkat kepada 3.3% dalam tahun 1997 (1996: -0.5%).

Selaras dengan usaha untuk memperbaiki kualiti pembekalan dalam perkhidmatan Kerajaan, pertumbuhan nilai ditambah dalam sektor ini dijangka meningkat pada kadar 4% dalam tahun 1997. Penggerak utama pertumbuhan ini oleh peningkatan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan terutamanya melalui pengujudan 15,336 jawatan tambahan dalam tahun 1997.